



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**  
*Student Affairs Division*

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

**eNEWSLETTER**

EDISI MEI 2021

**EDITOR**

**PUAN HAWA BINTI OMAR**

**PENULIS**

**HARESSA HARYANI BINTI HAZMAN**



pheputhm



hep.uthm.edu.my



heputhm



03 MEI

**PROGRAM JALINAN KERJASAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR BERSAMA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR : RAIKAN KEPELBAGAIAN DENGAN SATU MATLAMAT**



Program Jalinan Kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar Bersama Pejabat Hal Ehwal Pelajar : Raikan Kepelbagaian Dengan Satu Matlamat telah dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2020/2021 dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan ukhwah serta perkongsian ilmu mengenai urustadbir dan fungsi PHEP dan MPP, serta jalinan kerjasama untuk aktiviti berkaitan pengurusan hal ehwal pelajar. Antara aktiviti yang telah berlangsung termasuklah sesi suai mesra kepimpinan PHEP dan MPP, Tazkirah Ramadhan yang bertajuk 'Menuju Lailatul Qadr', Tadarus Al-Quran dan berbuka puasa. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dengan penganjuran program. Semoga ianya memberi manfaat kepada semua yang hadir.



04 MEI

**PROGRAM SPECIAL IFTAR FOR UMMAH (SIFU) ANJURAN YAYASAN  
PELAJAR JOHOR (YPJ) DAN MYFUNDATION**



Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan MyFundaction telah berbesar hati mengadakan program Special Iftar for Ummah (SIFU) dengan menyediakan sumbangan juadah berbuka puasa sebanyak 146 pek kepada Mahasiswa Anak Johor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di bawah kategori B40.

Sesi simbolik penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh YBr. Prof. Madya Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), bertempat di Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail (KKTDI) bersama Tuan Haji Mahadon bin Marnin, Pengurus Besar YPJ. Turut hadir, Puan Suhailah binti Muhammad Philip, mewakili Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Dr. Adi Syahid bin Mohd. Ali, Pengetua KKTDI serta kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar.

Sumbangan turut diedarkan di empat kolej kediaman lain di kampus induk Parit Raja secara serentak melalui Pengetua Kolej Kediaman masing-masing. Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada pihak yayasan atas sumbangan yang diberikan. Semoga mendapat ganjaran pahala dan keberkatan dalam bulan Ramadhan yang mulia ini.





**05 MEI**

## **PROGRAM INSPIRASI QASEH RAMADHAN YAPEIM 1442H READY TO EAT**

Pihak Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) telah berbesar hati mengadakan program Inspirasi Qaseh Ramadhan YAPEIM 1442H Ready to Eat dengan menyediakan sumbangan juadah berbuka puasa sebanyak 150 pek kepada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di bawah kategori B40.

Sesi simbolik penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Tajul Ariffin bin Harun, Pengurus Pentadbiran YaPEIM negeri bersama Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) bertempat di Kolej Kediaman Tun Syed Nasir (KKTSN). Turut hadir, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Halim Irwan bin Ibrahim, Pengetua KKTSN, Pegawai PHEP serta kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar.

Sumbangan turut diedarkan di empat kolej kediaman lain di kampus induk Parit Raja secara serentak melalui Pengetua Kolej Kediaman masing-masing. Ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada pihak YaPEIM atas sumbangan yang diberikan. Semoga mendapat ganjaran pahala dan keberkatan dalam bulan Ramadhan yang mulia ini.





### 07 - 09 MEI SESI PENGHANTARAN PULANG PELAJAR UTHM SEMENA AIDILFITRI 2021M / 1442H

Pergerakan kali ini melibatkan lebih 1,300 orang pelajar yang pulang ke kampung secara berperingkat menaiki bas Universiti dan bas yang disewa khas bermula dari 07 hingga 09 Mei 2021.

YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM telah hadir menyantuni pelajar yang pulang beraya ke kampung. Turut hadir Prof. Madya Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab HEPA dan staf Pejabat Hal Ehwal Pelajar.

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam sesi ini dan selamat pulang ke kampung halaman masing-masing kepada semua pelajar. Semoga sampai ke destinasi dengan selamat dan sihat.







11 MEI

UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR



Minal 'Aidin wal-Faizin  
Maaf Zahir dan Batin

SALAM LEBARAN  
SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI  
1442H / 2021M

Daripada kami warga Pejabat Hal EHWAL Pelajar (PHEP) kepada semua warga Universiti, pelajar, sahabat handai dan keluarga yang dikasihi. Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pusat Tanggungjawab yang sentiasa bekerjasama dalam melancarkan lagi pengurusan hal ehwal pelajar di Universiti. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dipohon kemaafan. Maaf Zahir dan Batin.



13 MEI

**SUMBANGAN DARIPADA DULI YANG AMAT MULIA MEJAR JENERAL TUNKU ISMAIL IBNI SULTAN IBRAHIM KEPADA PELAJAR UTHM YANG MENYAMBUT AIDILFITRI DI KAMPUS**



Merafakkan ucapan setinggi-tinggi kasih atas perkenan Duli Yang Amat Mulia Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor mengurniakan sumbangan berjumlah RM40,000.00 bagi membantu meringankan beban pelajar UTHM yang menyambut Aidilfitri di Kampus.

YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor UTHM telah hadir menyantuni pelajar tempatan dan antarabangsa yang tidak pulang beraya dengan mengagihkan bungkusan makanan di Kolej Kediaman Tun Fatimah dan di UTHM Kampus Bandar. Turut hadir adalah Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwat Pelajar (PHEP), Prof. Madya Dr. Chan Chee Ming, Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Rasidi Ibrahim, Pengetua Pejabat Pelajar Tanpa Asrama.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti dan Kelab Staf UTHM atas sumbangan bantuan yang diberikan kepada pelajar-pelajar berkenaan. Tidak lupa kepada pegawai dan staf Pejabat Hal Ehwat Pelajar yang terus komited dalam membantu dalam pengurusan tempahan bekalan makanan dan pasukan Pengetua kolej-kolej kediaman dalam meraikan pelajar menyambut Syawal di kolej-kolej kediaman dan rumah sewa sekitar kampus. Syabas dan tahniah!





### 30 MEI

## SUMBANGAN MAKANAN KERING DARI SEKRETARIAT FOOD BANK MALAYSIA

Sekretariat Food Bank Malaysia melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) telah menyumbang dan mengagihkan makanan kering kepada pelajar-pelajar UTHM. Untuk kali ini, seramai 916 pelajar UTHM yang berada di kedua-dua kampus Universiti telah menerima manfaat ini. Sumbangan ini telah diagihkan melalui kolej kediaman masing-masing dan Pejabat Pelajar Tanpa Asrama.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan rakan-rakan strategik lain iaitu Mondelez International dan Etika Group di atas inisiatif ini. Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu serta memberi manfaat kepada semua pelajar yang kini berada di kampus dan sekitarnya.



**HEP**



[heputhm](#)



[hep.uthm.edu.my](http://hep.uthm.edu.my)



[pheputhm](#)

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**